



# e-Buletin

## Program Pengukuhan Integriti di PUSAKA

EDISI PERTAMA BIL.1/2022 (JANUARI - DISEMBER 2022)



# **PERUTUSAN**

## **PENGURUS BESAR PUSAKA**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Selamat Sejahtera dan Salam Integriti.



Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan rahmatnya, maka e-Buletin Integriti PUSAKA Edisi Pertama Bilangan 1/2022 telah berjaya diterbitkan oleh Bahagian Integriti, PUSAKA. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Bahagian Integriti yang telah berusaha untuk menerbitkan e-Buletin PUSAKA yang merupakan salah satu kaedah untuk berkongsi maklumat program dan aktiviti integriti sepanjang tahun dan juga pengisian yang bermanfaat lagi kreatif dan inovatif dalam usaha membudayakan integriti di kalangan penjawat awam.

Dalam usaha untuk membudayakan nilai integriti ini di kalangan kakitangan PUSAKA, pemerkasaan amalan integriti memerlukan kefahaman dan kesedaran yang tinggi dan pengabaianya akan membawa natijah yang tidak baik bukan sahaja kepada diri sendiri dan keluarga bahkan juga kepada organisasi itu sendiri.

Budaya integriti dapat disemai dan dimantapkan melalui peringatan dan pengajaran bahawa tugas itu adalah amanah yang telah dipertanggungjawabkan. Dengan wujudnya e-Buletin Integriti PUSAKA adalah diharapkan dapat meningkatkan kesedaran para kakitangan PUSAKA dalam pengamalan budaya integriti dalam pekerjaan sehari-hari.

Sejak penubuhan Bahagian Integriti pada 2 Disember 2019, pelbagai program kesedaran integriti telah diadakan kepada semua kakitangan PUSAKA. Program ini juga dipanjangkan kepada anak-anak syarikat PUSAKA dan orang awam. Pelbagai cabaran dan kekangan dihadapi oleh PUSAKA namun dengan adanya komitmen dan sokongan padu dari setiap peringkat sama ada dari peringkat atasan sehingga bawahan, maka pelaksanaan program pembudayaan integriti dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga PUSAKA di atas sokongan dan komitmen dalam menjayakan program integriti PUSAKA. Saya berharap dengan penerbitan e-Buletin ini dapat memperingatkan dan menghindarkan kita dari segala perlakuan jenayah, penyelewengan dan salahguna kuasa.

Akhir kata, saya berharap dengan pelbagai usaha yang telah dan akan dilaksanakan oleh Bahagian Integriti PUSAKA, tahap integriti di kalangan kakitangan dapat dipertingkatkan seiring dengan hasrat PUSAKA akan menjadi sebuah Organisasi Yang Berintegriti dan Cemerlang.

Sekian, terima kasih

**"Kami Tolak Rasuah"**

**YBHG. DATU HAJI HASHIM BIN HAJI BOJET**

# **ISI KANDUNGAN**

1)	Kunjungan Hormat Kepada YB Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda Jaya	1
2)	PUSAKA Sertai Pameran Sempena Program Enhancing Integrity Project (EIP)	2
3)	Hari Integriti dan Inovasi dan Perhimpunan Perdana PUSAKA 2022	3
4)	Pertandingan Video Tik-Tok Integriti : Integriti dan Inovasi Teras Amalan Norma Baharu	4
5)	Pertandingan Kuiz Integriti	4
6)	Mini Bengkel Pelan Antirasuah Organisasi (PUSAKA) di Pejabat-Pejabat Bahagian PUSAKA	5
7)	Lawatan Penanda Aras Ke Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak (SEDC )	6
8)	Taklimat Induksi Kepada Kakitangan PUSAKA dan Pelajar Praktikel 2022	7
9)	Lawatan Penanda Aras ke Unit Integriti dan Ombudsman Negeri sarawak (UNIONS)	8
10)	Sesi Penilaian Pertandingan Mencipta Video Tik Tok Integriti	9
11)	Bengkel Kajian Semula Pelan Pengurusan Risiko Rasuah(CRM) PUSAKA 2022	10
12)	Lawatan Penanda Aras Ke Lembaga Alr Kuching (LAK)	11
13)	Taklimat Kesedaran Mengenai BSC Korporat, OC2 (Enhanced Human Shared Values Practice) 6 Nilai Bersama	12
14)	Taklimat Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Kepada Pegawai Seranta Integriti Anak-Anak Syarikat PUSAKA	13
15)	PUSAKA Sertai Pameran Sempena Hari Integriti SEDC 2022	14
16)	Program Integriti Sebagai Satu Tanggungjawab Sosial di SK Tanjong Manis	15
17)	Sesi Mentoring Pegawai Seranta Integriti Anak-Anak Syarikat PUSAKA	16
18)	I-Share Integriti	17
19)	Poster / Risalah / Quotes Intranet	18-19
20)	Buku Panduan Integriti	20

# Kunjungan Hormat Kepada YB Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda Jaya



24 Januari 2022

PUSAKA yang diketuai oleh YBhg. Datu Haji Hashim Haji Bojet, Pengurus Besar PUSAKA telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda Jaya, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) di pejabatnya bertempat di Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Hadir sama ialah Penolong Pengurus Besar Integriti PUSAKA, Puan Suraya bt Mohamad Ali; Pengurus Audit Dalaman, Puan Estee Dinimashida bt Ahmad Luthfi; Pengurus Integriti, Puan Sharifah Zainah bt Wan Omar dan Pengurus Perhubungan Korporat, Encik Norman Botes Noma.

Laporan disediakan oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat  
PUSAKA

# PUSAKA Sertai Pameran Program Enhancing Integrity Project (EIP)



16 - 17 Julai 2022

Program Enhancing Integrity Project (EIP) bertempat di Dewan Serbaguna Kampung Pasir Ulu, Sarawak telah melabuhkan tirainya semalam.

Program yang bertemakan "Melestari Integriti Penjawat Awam Di Kawasan Sempadan" tersebut telah berlangsung selama 2 hari bermula 16 hingga 17 Julai 2022. PUSAKA telah turut sama menyertai pameran yang diadakan sempena program tersebut.

Antara fokus utama PUSAKA dalam pameran tersebut ialah pengenalan dan peranan PUSAKA dalam industri perkayuan Sarawak serta projek buluh PUSAKA.

Perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak Integriti dan Ombudsman, Yang Berhormat Dato' Murshid Diraja Dr Juanda Bin Jaya bersama Ahli Dewan Undangan Negeri N.1 Opar, Encik Billy Anak Sujang.

Laporan disediakan oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat  
PUSAKA

# Hari Integriti & Inovasi dan Perhimpunan Perdana PUSAKA



9 Februari 2022

Sekitar Hari Integriti & Inovasi dan Perhimpunan Perdana Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) / Sarawak Timber Industry Development Corporation disempurnakan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri, Menteri Sumber Asli & Pembangunan Bandar II, Menteri Perdagangan Antarabangsa & Pelaburan Sarawak. Program berkenaan turut dihadiri YB Datu Haji Len Talif Salleh, Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar selaku Ahli Lembaga Pengurusan PUSAKA.

Amalan nilai intergriti dalam kalangan kakitangan ini penting sebagai teras kepada kecemerlangan organisasi disamping menjalankan tugas dengan berkesan.

PUSAKA telah ditubuhkan sebagai badan berkanun sejak 1973 yang mana antara lain untuk mengawal industri perkayuan di Sarawak. Fungsi pengawalseliaan PUSAKA ini menuntut integriti institusi sebagai peneraju dan pemangkin kepada industri perkayuan terutamanya dalam pemprosesan hiliran kayu serta melakarkan masa depannya sebagai aliran hasil yang mantap untuk negeri Sarawak. Bagaimanapun, ekoran penularan pandemik Covid-19 ini juga industri perkayuan d Sarawak sedikit terjejas. Diharap industri perkayuan ini dapat ditingkatkan sejajar dengan perkembangan transformasi digital dan potensi pelaburan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Hadir sama YB Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda Jaya Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) Sarawak, Datu Haji Hashim Haji Bojet Pengurus Besar PUSAKA dan pegawai-pegawai kanan anak-anak syarikat PUSAKA.

Laporan disediakan oleh :

Bahagian Komunikasi Korporat  
PUSAKA

# Pertandingan Mencipta Video Tik Tok Integriti

Satu pertandingan mencipta video Tik Tok Integriti telah diadakan dan tarikh tutup penyertaan adalah 18 Mei 2022. Program ini merupakan salah satu inisiatif yang dirancang dalam Pelan Tema Strategik Bahagian Integriti.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran warga PUSAKA terhadap kepentingan integriti dalam kehidupan seharian dan menarik minat warga PUSAKA untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti integriti.

Seramai 10 orang warga PUSAKA menyertai pertandingan ini dan 6 orang telah berjaya memenangi hadiah yang ditawarkan.



## Pertandingan Kuiz Integriti



Satu pertandingan kuiz integriti telah dianjurkan oleh Bahagian Integriti bermula dari 19 Mei sehingga 3 Jun 2022. Ini adalah sebagai salah satu inisiatif yang dirancang dalam Pelan Tema Strategik Bahagian Integriti.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran warga PUSAKA terhadap kepentingan integriti dalam kehidupan seharian. Disamping itu, dengan penganjuran program ini dapat menilai tahap kesedaran dan kefahaman mengenai pelaksanaan fungsi integriti di PUSAKA serta menarik minat warga PUSAKA untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti integriti.

Seramai 38 orang terlibat didalam pertandingan kuiz ini dan 13 pemenang telah berjaya memenangi hadiah yang di tawarkan

# Mini Bengkel Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) PUSAKA Di Pejabat-Pejabat Bahagian PUSAKA



18-22 April 2022

Mini Bengkel OACP telah diadakan di Pejabat Bahagian PUSAKA iaitu Miri, Bintulu, Sibu dan Tanjung Manis pada 18 sehingga 22 April 2022. Objektif program ini diadakan ialah untuk meningkatkan kefahaman para kakitangan di Pejabat Bahagian mengenai Pelan AntiRasuah Organisasi (OACP) PUSAKA.

Program ini melibatkan kakitangan Pejabat Bahagian secara langsung dengan pelaksanaan inisiatif Pelan AntiRasuah Organisasi (OACP) PUSAKA. Selain itu, tujuan program ini diadakan adalah untuk mendapatkan idea dan cadangan risiko-risiko rasuah yang baru untuk dibendung melalui penambahbaikan SOP/MPK.



# Lawatan Penanda Aras ke Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak (SEDC)



23 Mei 2022

Lawatan Penanda Aras ke Unit Pengurusan Integriti dan Risiko (IRMU) SEDC telah diadakan yang telah diketuai oleh Puan Suraya Mohamad Ali selaku Penolong Pengurus Besar Integriti di PUSAKA.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi ilmu dan maklumat berhubung dengan pembangunan dan pelaksanaan Anti Bribery Management System (ABMS) di SEDC dan mewujudkan rangkaian kerjasama.

Sesi taklimat ini telah berlangsung di Dewan Kenyalang, Menara SEDC dan turut dihadiri oleh Pengurus Besar SEDC, Tuan Haji Abdul Hadi Datuk Haji Abdul Kadir.



# Taklimat Induksi Kepada Anggota PUSAKA dan Pelajar Praktikel 2022



24 Mei 2022

Taklimat Induksi yang lazimnya dibuat oleh Unit HRDQ dengan kerjasama Bahagian Integriti kepada anggota PUSAKA yang baharu dan pelajar praktikel telah diadakan di Dewan Seminar PUSAKA.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengurus Integriti, Puan Sharifah Zainah Wan Omar dan mendapat maklumbalas yang sangat baik. Anggota baharu dan pelajar praktikel dapat memahami fungsi dan peranan Bahagian Integriti yang ditubuhkan di PUSAKA disamping memberi kesedaran kepada mereka mengenai nilai integriti.



# Lawatan Penanda Aras ke Unit Integriti dan Ombudsman Negeri Sarawak (UNIONS)



25 Mei 2022

Satu lawatan Penanda Aras ke Unit Integriti dan Ombudsman Negeri Sarawak (UNIONS) yang telah diketuai oleh Puan Suraya Mohamad Ali selaku Penolong Pengurus Besar Integriti di PUSAKA telah diadakan.

Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi ilmu dan maklumat berhubung dengan pelaksanaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM). Ini adalah inisiatif Bahagian Integriti PUSAKA untuk mendapatkan maklumat awal sebelum Bengkel Kajian Semula Pelan Pengurusan Risiko Rasuah diadakan pada 23 sehingga 24 Jun 2022 di Dewan Serbaguna, PUSAKA. Selain itu, Bahagian Integriti PUSAKA juga ingin mewujudkan rangkaian kerjasama antara PUSAKA dan UNIONS.

Sesi taklimat ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat, Unit Integriti dan Ombudsman Negeri Sarawak (UNIONS) dan turut dihadiri oleh Pegawai Siasatan Seksyen Projek Khas, Tuan Wan Mohamad Bin Wan Drahman.

# Sesi Penilaian Pertandingan Mencipta Video Tik Tok Integriti

---



13 Jun 2022

Lanjutan daripada Pertandingan Mencipta Video Tik Tok Integriti PUSAKA 2022 yang telah diadakan pada 18 Mei 2022 yang lepas, satu sesi penilaian pertandingan mencipta video Tik Tok Integriti telah diadakan pada 13 Jun 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif (BME), PUSAKA. Sesi penilaian ini dibuat untuk menilai dan menentukan pemenang untuk pertandingan ini.

Seramai 3 orang penilai telah dilantik iaitu ketua panel hakim (Dr. Kamil Salem), panel hakim pertama (Puan Regina Ho Chia Hui) dan panel hakim kedua (Encik Lau Ung Ing).

Sesi penilaian ini telah dihadiri oleh Penolong Pengurus Besar Integriti, Puan Suraya Mohamad Ali, panel hakim dan urusetia Bahagian Integriti.

# Bengkel Kajian Semula Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) PUSAKA 2022



23 - 24 Jun 2022

Bengkel Kajian Semula Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) PUSAKA 2022 telah diadakan pada 23 sehingga 24 Jun 2022 bertempat di Dewan Serbaguna, PUSAKA.

Antara objektif bengkel kajian semula ini diadakan ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman kakitangan yang baharu serta sebagai "Refresher" untuk kakitangan lama.

Dengan adanya bengkel ini, idea dan cadangan risiko-risiko rasuah yang baharu untuk dibendung dapat diperolehi dengan adanya penambahbaikan SOP/MPK sekaligus dapat merapatkan silaturahim dan memupuk nilai budaya kerja berpasukan dalam setiap bidang kerja .



# Lawatan Penanda Aras ke Lembaga Air Kuching (LAK)

23 Ogos 2022

Bahagian Integriti telah membuat lawatan kerja penanda aras ke Lembaga Air Kuching (LAK) yang diketuai oleh Tuan Haji Nadzam Al-Rush Bin Dato' Haji Putit, Penolong Pengurus Besar Pengurusan Risiko PUSAKA. Turut serta didalam lawatan kerja ini ialah Puan Dyg Masmolydiza Bt Abg Haji Dawi, Pemangku Penolong Pengurus Besar Pentadbiran selaku Pegawai Integriti (CeIO) PUSAKA dan anggota Bahagian Integriti.

Tujuan lawatan adalah untuk berkongsi ilmu dan maklumat berhubung dengan Polisi Pemberi Maklumat dan Pengurusan Hadiah di antara PUSAKA dengan Lembaga Air Kuching dan mewujudkan rangkaian kerjasama yang baik antara PUSAKA dan LAK.

Sesi perkongsian telah disampaikan oleh Encik Mohamad Adzman Bin Abdullah (Board Director/Chief Accountant/CeIO) dan Puan Dygku Nur Syafiqah bt. Awgku Zaidel (Pegawai Integriti) . Turut hadir bersama ialah Yang Berusaha Puan Rodziah Binti Mohamad, Pengurus Besar Lembaga Air Kuching.



# Taklimat Kesedaran Mengenai BSC Korporat, OC2 (Enhanced Human Shared Values Practice) 6 Nilai Bersama



4 Oktober 2022

Satu taklimat telah diadakan secara aplikasi zoom kepada semua kakitangan PUSAKA . Taklimat ini dibuat untuk memberi kesedaran kepada kakitangan PUSAKA mengenai 6 Nilai Bersama (6 Shared Values). Tujuan taklimat kesedaran ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran wujudnya Enam Nilai Bersama yang menjadi panduan kepada semua kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak disamping meningkatkan kefahaman mengenai kepentingan membudayakan nilai-nilai bersama dalam tugas-harian.

Selain itu, dengan adanya taklimat ini dapat meningkatkan etika moral kakitangan melalui pengisian program-program ceramah, I-Share dan taklimat yang dianjurkan oleh Bahagian Integriti, Seksyen HRPD (Unit HRDQ), Kelab Rekreasi PUSAKA dan Surau PUSAKA.

Taklimat ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran kakitangan PUSAKA seramai 124 orang kakitangan.

# Taklimat Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Kepada Pegawai Seranta Integriti Anak-Anak Syarikat PUSAKA

3 November 2022

Bahagian Integriti telah mengadakan taklimat Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) PUSAKA bertempat di Tingkat 19, Wisma Sumber Alam.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Tuan Othman Bin Anyan daripada SPRM dan dihadiri oleh anggota daripada 13 orang pegawai seranta integriti anak-anak syarikat PUSAKA yang telah dilantik.

Puan Suraya binti Mohamad Ali selaku Penolong Pengurus Besar Integriti PUSAKA terlebih dahulu memberi penerangan mengenai pengenalan pelaksanaan model klon integriti cetusan idea daripada Pengurus Besar PUSAKA ini.

Antara topik yang disampaikan kepada pegawai-pegawai seranta integriti ini ialah cara pembangunan dan pelaksanaan serta pemantauan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) di anak syarikat nanti.



# PUSAKA Sertai Pameran Sempena Hari Integriti SEDC 2022

10 November 2022

PUSAKA telah menyertai pameran sempena Hari Integriti SEDC 2022 yang telah diadakan hari ini bertempat di Sarawak Chamber, Riverside Majestic Hotel, Kuching.

Sambutan Hari Integriti SEDC 2022 yang bertemakan “Integriti Tonggak Kecemerlangan” tersebut telah dirasmikan oleh Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

Turut diadakan pada majlis berkenaan ialah dua sesi ceramah integriti yang bertajuk The Art Of Saying No oleh Mantan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional, YBhg. Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Systemic Corruption oleh Penceramah Bebas, Tuan Firdaus Bin Ramlan.

Pada masa yang sama, booth pameran PUSAKA juga turut menerima kunjungan daripada YAB Premier Sarawak dan seterusnya berpeluang menyampaikan taklimat ringkas mengenai halatuju dan penerapan Integriti di PUSAKA yang telah disampaikan sendiri oleh Penolong Pengurus Besar Bahagian Integriti PUSAKA, Puan Suraya Binti Mohamad Ali.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Pengurus Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, YBhg. Datu Haji Abdul Hadi bin Datuk Haji Abdul Kadir.



Laporan disediakan oleh :

# **Program Integriti Sebagai Satu Tanggungjawab Sosial di SK Tanjong Manis**

1 Disember 2022

PUSAKA melalui Bahagian Integriti telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan untuk menganjurkan Program Integriti di SK Tanjong Manis. Program ini telah dirasmikan pada 1 Disember 2022 yang lalu oleh Pengurus Besar PUSAKA yang diwakili oleh Penolong Pengurus Besar Bahagian Integriti PUSAKA iaitu Puan Suraya Binti Mohamad Ali. Program ini merupakan projek yang julung kali diadakan di sekolah selepas negara kita melalui fasa pandemik covid-19.

Program ini bertujuan untuk melaksanakan penerapan nilai integriti di sekolah-sekolah di Sarawak selaras dengan Pelan Strategik PUSAKA Tema 4 iaitu bekerjasama dengan sekolah-sekolah tentang nilai integriti di kalangan pelajar sekolah. Dengan erti kata lain, program ini turut berperanan sebagai satu Tanggungjawab Sosial Korporat PUSAKA di sekolah. Disamping itu, program integriti ini juga merupakan salah satu program “outreach” PUSAKA untuk sekolah-sekolah di Sarawak sempena dengan sambutan ulangtahun PUSAKA yang ke-50 pada tahun hadapan di mana program ini bermula di sekolah Sk Tanjong Manis yang terletak di Kawasan Projek Mega PUSAKA.

Majlis perasmian program integriti ini turut dihadiri oleh Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Daro, Ketua Pegawai Seksyen Integriti dari Unit Integriti & Ombudsman Negeri Sarawak (UNIONS) Jabatan Premier, Pengerusi Majlis-Majlis Guru Besar Daerah Daro, Belawai dan Tanjung Manis serta beberapa Penolong Pengurus Besar PUSAKA selaku tetamu jemputan.

Pengisian Program Integriti ini termasuk memperkenalkan SUDUT INTEGRITI di sekolah sebagai langkah permulaan untuk mendedahkan kepada para pelajar sekolah tentang pentingnya nilai integriti kepada mereka. SUDUT INTEGRITI turut dirasmikan pada hari yang sama dimana Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Daro telah dijemput untuk merasmikannya. Selain daripada itu, para pelajar sekolah telah diberi peluang untuk menyertai pertandingan yang berdasarkan integriti iaitu pertandingan mewarna dan kuiz dimana para pemenang telah diumumkan selepas majlis perasmian program.



# Sesi Mentoring Pegawai Seranta Integriti Anak-Anak Syarikat PUSAKA

13 Disember 2022

Sesi Mentoring ini telah diadakan di Hotel waterfront, Kuching selama satu hari dengan penyertaan daripada pegawai seranta integriti dari anak-anak syarikat PUSAKA seramai 17 orang. Penerangan dan sesi taklimat disampaikan oleh Puan Suraya Mohamad Ali, Penolong Pengurus Besar Integriti PUSAKA. Sesi mentoring ini adalah inisiatif Bahagian Integriti didalam melaksanakan program Klon Model Integriti selaras dengan Tema 4 Pelan Strategik PUSAKA.

Objektif tersebut diadakan adalah untuk mengenalpasti isu dan masalah dalam pelaksanaan program penerapan integriti di anak syarikat dan menghasilkan cadangan program-program usahasama dengan PUSAKA serta dapat membimbang pegawai seranta dalam merangka Program Pengukuhan Integriti untuk dilaksanakan di pejabat mereka. Selain itu, sesi ini diadakan adalah sebagai ruang untuk merapatkan lagi silaturahim antara PUSAKA dan anak syarikat



# I-Share Integriti



Bahagian Integriti juga menganjurkan I-Share berkenaan topik integriti sepanjang tahun 2022. Antara lain objektif mengadakan I-Share adalah untuk memberi kesedaran kepentingan nilai integriti di pupuk di kalangan anggota PUSAKA disamping kesan dan keburukan rasuah.



# **Poster / Risalah / Quotes Intranet**

**JANUARI**

**MAR**

**MAY**

**SEPTEMBER**

**JUN**

No matter how educated,  
talented, rich, or cool you believe  
you are, how you treat people  
ultimately tells all.  
**Integrity** is  
Everything

**OKTOBER**

**FEBRUARI**

The foundation  
Starts for a  
Successful success rate  
Becomes integrity, faith, love  
and dignity

**JULAI**

LAWAK WITH COURAGE,  
SINAK WITH HUMOUR,  
ACE WITH INTEGRITY

**NOVEMBER**

**MAC**

KARTEL BOLOT RM3.8 BILION  
TENDER KEMENTERIAN

**OGOS**

**DISEMBER**

**APRIL**

**BANGUNAN INTEGRITI**

SI/MAY/2022

## MINI BENGKEL PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) DI PEJABAT BAHAGIAN

**BINTULU**

**MIRI**

**TG. MANIS**

**SIBU**

OACP merupakan sebuah **DOKUMEN UTAMA PUSAKA** yang menggoriskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi **RASUAH**.

**BAHAGIAN INTEGRITI**

<i>Pemenang Mencipta Poster Hari Integriti 2020</i>		<i>PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19</i> Anda Harus Mengikutinya	
	TEMPAT PERTAMA CIK NORLUKA JENUWEN		INTERGRITI SEMASA PANDEMIK COVID-19
	TEMPAT KEDUA EN. MUHAMAD FAIZULLAH BIN SAPREI		TEMPAT KETIGA EN. MUHAMAD FAIZULLAH BIN SAPREI
	SAGUHATI		PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19 Anda Harus Mengikutinya
	EN. MUHAMAD FIRDAUS BIN MOHAMAD DAHUDA		EN. MUHAMAD KHAIROUDIN BIN SUUT
	EN. AL MOHD RUQZIE BIN AL ZAMALLUDIN		EN. ISHAQ BIN HAJI DAHLAN
	EN. HAZLANMAIZAN AZUZ BIN HAZMAN		

8/JUNE/2022

# INTEGRITY

*is choosing your thoughts  
and actions based on  
values rather than  
personal gain*

BAHAGIAN INTEGRITI

# Poster / Risalah / Quotes Intranet

BI/OGOS/2022

THE REALITY OF  
MANNERS IS THAT IT  
RESULTS FROM  
BEAUTIFUL  
CHARACTER. THUS,  
MANNERS IS THE  
MANIFESTATIONS OF  
THE INTEGRITY AND  
STRENGTH IN ONE'S  
INWARD PERSONALITY  
INTO ACTION - IBN RAJAB



BAHAGIAN INTEGRITI



IKRAR INTEGRITI

Saya, yang dipertanggungjawabkan memegang amanah sebagai anggota PUSAKA, dengan tulus dan ikhlas dan sepuhnya rela hati berikrar, mempertahankan dan memperkuatkan integriti saya dengan mencegah dan membantarkan segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut :

1. Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
2. Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
3. Bertindak tegar terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika Jabatan;
4. Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
5. Bertindak tegar terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej anggota PUSAKA;
6. Mematuhi sepenuhnya kod etika Jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

Sebagai anggota PUSAKA, saya akan berkelakuan baik, jujur dan berintegriti. Jika atas sebarang sebab saya didapati melanggar dasar yang ditetapkan oleh PUSAKA, saya faham bahawa tindakan tata tertib boleh dikenakan terhadap saya.



BI/OCT 2022



6 NILAI BERSAMA (6 SHARED VALUES)

1. Integriti (Integrity)
2. Baik Hati & Prihatin (Kind & Caring)
3. Profesionalisme (Professionalism)
4. Sikap Kesegeraan dan Semangat Sepunya (Sense of Urgency & Ownership)
5. Semangat Berpasukan (Team Spirit)
6. Berorientasikan Hasil (Result-Oriented)



VISI

Mewujudkan Budaya Integriti Yang Cemerlang Di Dalam Organisasi

MISI

Memperkuatkan Nilai Integriti Organisasi Dengan Memastikan Pematuhan Dasar Dan Prosedur Serta Mengajui Budaya Integriti Melalui Pendekatan Sistematis Dan Kakitangan Yang Cekap

'KAMI TOLAK RASUAH'

BAHAGIAN INTEGRITI

## Berita Harian

Oktobre 2022



### KETUA JABATAN AGENSI KERAJAAN DIREMAN 4 HARI

PUTRAJAYA: Seorang ketua jabatan sebuah agensi kerajaan bergelar Datuk direman empat hari bermula hari ini bagi membantu siasatan berhubung isu menerima rasuah dan salah guna kuasa bagi pelantikan syarikat untuk tujuan perolehan empat kenderaan pada 2017.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan reman sehingga Jumaat ini oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi tadi.

Sumber berkata, perolehan kenderaan berjumlah RM290,000 itu bertujuan untuk kegunaan program yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan. Katanya, suspek yang berusia dalam lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 8 malam tadi di SPRM Putrajaya ketika hadir memberikan keterangan. Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, mengesahkan penahanan dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Sumber : Berita Harian



BAHAGIAN INTEGRITI

BI/NOV/2022

BAHAGIAN INTEGRITI

PROGRAM INTEGRITI SEBAGAI SATU TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT DI SK TG MANIS (CSR)

PUSAKA melalui Bahagian Integriti hendak menerapkan nilai integriti di Sekolah sebagai satu Tanggungjawab Sosial Korporat selaras dengan Pelan Strategik PUSAKA tema 4 laut bekerjasama dengan sekolah-sekolah tentang nilai integriti

BI/DEC/2022

Antara inisiatif lain didalam memperkuatkan nilai integriti ialah dengan memuatnaik poster atau quotes integriti ke dalam laman IntraPUSAKA. Poster atau quotes integriti ini merupakan satu medium maklumat berkaitan integriti yang dikeluarkan dan dimuatnaik secara bulanan yang menggunakan laman IntraPUSAKA sebagai platform penyampaian kepada anggota PUSAKA.

Pada tahun 2022, sebanyak 12 info yang dimuatnaik didalam laman IntraPUSAKA. Tujuan hebahan ini adalah untuk memberi maklumat dan info serta mengukuhkan pembudayaan integriti kepada kakitangan PUSAKA.

# E-Book / Buku Panduan Integriti



Buku Panduan Integriti telah dilancarkan pada 9 Februari 2022 bersempena Majlis Hari Integriti dan Inovasi dan Perhimpunan Perdana PUSAKA dan dimuatnaik didalam IntraPUSAKA untuk memudahkan rujukan anggota PUSAKA.

Buku Panduan Integriti ini juga telah dibuat secara e-Book pada 4 November 2022. Anggota PUSAKA boleh merujuk maklumat didalam Buku Panduan Integriti ini seperti di pautan berikut :

[https://sarawak.gov.my/ebook/PUSAKA/Panduan\\_integriti/](https://sarawak.gov.my/ebook/PUSAKA/Panduan_integriti/)



**Integrity is doing the  
right thing, even when  
no one is watching.**

C.S. Lewis

**Terbitan**  
**BAHAGIAN INTEGRITI**  
**PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK**